

## Malaysia sasar eksport produk halal RM50 bilion 2020

Azman Ibrahim

28 September 2019 11:17 AM



DARI kanan Prof. Dr. Denis Zvizzdic, Saifuddin Nasution Ismail dan Sefik Dzaferovic ketika majlis perasmian dalam majlis Pameran Halal Sarajevo 2019, di Bosnia Herzegovina, semalam. - UTUSAN ONLINE

**KUALA LUMPUR 28 Sept.** – Sebagai sebuah negara yang turut menjadi peneraju kepada produk dan perkhidmatan halal dunia, Malaysia komited dan berhasrat untuk mengeksport produk serta perkhidmatan halal sebanyak AS\$12 Bilion (RM50 bilion) pada tahun hadapan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sasaran ini dapat dicapai melalui kerjasama yang erat di antara agensi kerajaan dan sektor swasta termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Kita juga telah merangka beberapa usaha dan program, terutamanya Pelan Induk Industri Halal (2008-2020) yang bertujuan untuk mencapai matlamat menjadikan negara sebagai pemimpin global dalam inovasi, pengeluaran dan perdagangan dalam sektor halal.

"Ketika ini, Malaysia melalui Taman Halal yang diiktiraf oleh HALMAS, iaitu akreditasi yang diberi oleh Halal Industry Development Corporation (HDC) telah berjaya menarik pelaburan melebihi RM13 bilion dan ia dijangka berkembang dengan pesat selaras dengan pertambahan penduduk Islam seluruh dunia yang kini mencapai 1.8 bilion orang," katanya ketika menyampaikan ucaptama di Sarajevo Halal Fair 2019, di Bosnia Herzegovina hari ini.

Pada acara itu juga, Saifuddin Nasution bersama Pengerusi Majlis Menteri-Menteri Bosnia Herzegovina, Prof. Dr. Denis Zvizdic dan Anggota Presiden negara itu, Sefik Dzaferovic telah menyaksikan upacara menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) bernilai sekitar EUR25 juta (RM115 juta) antara syarikat-syarikat Malaysia dan Bosnia Herzegovina.

Mengulas lanjut Saifuddin berkata, hubungan dagang antara Malaysia dan Bosnia Herzegovina bertambah baik dengan jumlah perdagangan kedua-dua negara mencatat AS\$1.7 Juta (RM7 juta) pada tahun 2017 dengan jumlah pertumbuhan yang besar sebanyak 179.9 peratus berbanding 2016.

"Pada tahun 2017, eksport Malaysia ke Bosnia Herzegovina bernilai AS\$881,373.00 (RM3.7 juta) manakala import pula berjumlah AS\$786,214.00 (RM3.3 juta)," jelasnya.

Beliau menambah, antara eksport utama Malaysia ke Bosnia Herzegovina adalah produk elektrik dan elektronik, makanan olahan, produk getah, dan peralatan optik dan saintifik.

"Manakala Import utama kita pula ialah produk-produk kimia, produk kayu, tekstil, pakaian dan kasut, serta produk elektrik dan elektronik," tambahnya.

Kata Saifuddin, terdapat juga pelbagai bidang kerjasama yang boleh diterokai oleh syarikat Malaysia dan Bosnia Herzegovina seperti produk makanan (terutama makanan halal), produk getah, produk elektrik dan elektronik, hospitaliti dan farmaseutikal, kosmetik, kewangan, pelancongan, e-perdagangan, logistik dan perkhidmatan lain. -UTUSAN ONLINE

